

Utusan Malaysia : 18 Jun 2016

### **GIBS RAI PENGHAFAZ AL-QURAN**

**BERBUKA** sambal beramal, itulah tanggungjawab sosial yang dilakukan Gabungan Ikhtisas dan Usahawan Bumiputra Anak Selangor (GIBS) semasa meraikan pelajar-pelajar tahfiz berbuka puasa di Hotel Concorde, Shah Alam Selangor baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada Tahfiz Bidayatul Hidayah, Bukit Naga, Seksyen 32, Shah Alam dan Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Hijrah, Ara Damansara.

Yang Dipertua GIBS, Dr. Muhammad Arif Mohd Hashim dalam ucapannya berkata, GIBS terus memainkan peranan dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat Selangor.

GIBS turut memberi bantuan kepada pusat tahfiz persendirian dalam membina pusat sumber selain menyediakan bahan bacaan berkualiti bagi memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar ini.

Justeru, GIBS akan melaksanakan program pengurusan pentadbiran untuk pentadbir tahfiz persendirian ini bagi memastikan sistem pengurusan lancar, cekap dan efektif, katannya.

Pada majlis berkenaan, Dr. Muhammad Arif Mohd Hashim turut menyampaikan sumbangan kepada seramai 50 orang pelajar-pelajar tahfiz.